

14 DEC 2010
Wanita kini lebih terbuka, kian berani menggoda untuk naik pangkat

Lelaki pun kena gangguan seksual

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina.majid@kosmo.com.my

SERDANG - Lazimnya golongan wanita sering dikaitkan sebagai mangsa gangguan seksual kaum lelaki di tempat kerja.

Bagaimanapun, satu kajian membuktikan sebaliknya apabila kini golongan lelaki juga tidak terlepas

daripada menjadi sasaran kepada tingkah laku bersifat seksual yang dilakukan oleh kaum hawa.

Menurut Ketua Laboratori Perubahan Sosial, Ekonomi dan Keamanan, Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra



Malaysia (UPM), Dr. Jamilah Othman (**gambar**), meskipun fenomena itu agak janggal tetapi ia kerap terjadi di tempat-tempat kerja sejak kebelakangan ini.

Kajian kualitatif yang bertajuk *Penyelesaian Konflik Gangguan Seksual di Agensi-Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia* yang menemu bual sekumpulan responden pihak atasan mendedahkan fenomena itu memang berlaku.

"Saya telah menemu bual lelaki yang bertaraf bos dan mereka sendiri memaklumkan sindrom berkenaan. Kebanyakan pekerja bawahan wanita didapati suka mengganggu mereka," katanya ketika di-

Senjata utama wanita untuk menggoda lelaki adalah dengan cara memakai pakaian yang terdedah sana sini

DR. JAMILAH OTHMAN

temui di sini baru-baru ini.

Jamilah memberitahu, perlakuan itu berlaku ekoran sikap wanita kini yang lebih terbuka, berani dan tujuan mereka semanginya bermotif jahat.

"Wanita-wanita dalam kumpulan ini sanggup berbuat begitu kerana rakus untuk segera dinaikkan pangkat tanpa perlu bekerja keras," ujarnya.

Pekerja bawahan wanita seperti itu juga, kata beliau, digolongkan dalam kategori pisau cukur.

"Ada juga di antara wanita ini tidak kisah tentang pangkat. Jangan terperanjat kerana mereka sanggup lakukan semua ini semata-mata untuk mencari calon suami. Biasanya, golongan atasan biasanya bergaji besar," katanya.

Tambah beliau lagi, kumpulan wanita tersebut juga tidak kisah orang yang diganggu itu bujang, duda, berkahwin, kakak atau tidak.



GOLONGAN lelaki kini turut menjadi mangsa gangguan seksual yang dilakukan oleh wanita. - Gambar hiasan

Jelas beliau, kebanyakan wanita yang terlibat pula tidak semestinya menawan atau mempunyai personaliti yang menggoda.

Ketika ditanya bagaimana pendekatan gangguan seksual itu dilakukan, responden lelaki yang ditemu bual memberitahu, mereka rasa terganggu dengan cara pemakaian seseorang wanita.

"Senjata utama wanita untuk menggoda lelaki adalah dengan cara memakai pakaian yang terdedah sana sini," ujarnya.

Selain itu, kata Jamilah, strategi lain adalah melalui pertuturan yang manja, kadangkala mengeluarkan ka-

ta-kata berbau lucah dan ada yang meluahkan kata-kata yang menjelikkan.

Bagaimanapun, beliau tidak mempunyai angka rasmi fenomena gangguan seksual berkenaan memandangkan sikap mangsa yang suka berdiam diri.